

Alam sekitar: Usah kritik Dunia Ketiga

Daripada HANIFF HADI

BANGSA-BANGSA BERSATU, Rabu — Persidangan mengenai alam sekitar di Rio De Janeiro perlu bersifat membina dan tidak bertujuan mengkritik negara-negara dunia ketiga, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Beliau berkata rundingan itu tidak akan mendatangkan sebarang hasil kecuali kita menerima hakikat mengenai sumber dan sebab masalah alam sekitar, suhu yang semakin meningkat serta lapisan ozon yang semakin nipis.

"Jika kita ke Rio, biarlah kita ke sana untuk membincangkan dan bersetuju mengenai arah dan bentuk tindakan yang sama terhadap alam sekitar dan pembangunan," katanya ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di sini, hari ini.

Menurutnya, idea bahawa hutan tropika hanya boleh diselamatkan dengan memboikot balak tropika adalah lebih kepada ugutan daripada keinginan untuk menyelamatkannya.

Katanya, jika pembalakan berpilih dan pengurusan cepat dihalang, kawasan hutan tidak akan menjadi sumber kekayaan lagi dan kawasan itu sewajarnya dibersihkan untuk tanaman atau dijadikan kayu api bagi negara-negara miskin.

Mengenai penanaman pokok di kawasan gurun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, gurun di California boleh diubah menjadi kawasan penanaman hutan tropika jika menggunakan air bawah tanah.

"Malangnya, air bawah tanah di kawasan bergurun itu hanya digunakan untuk keperluan padang golf di sekeliling hotel mewah.

"Jika kita boleh membina pesawat pejuang canggih, mengapa tidak digunakan kepakaran yang ada untuk mewujudkan hutan tropika di padang pasir," katanya.

Perdana Menteri berkata, dunia harus mengikut jejak Libya yang menggunakan air bawah tanah di kawasan padang pasirnya untuk tujuan pertanian.

"Adalah memalukan apabila negara-negara maju dan kaya tidak melakukan sesuatu yang bermakna untuk menyelamatkan alam sekitar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengkritik kumpulan dan negara yang menjalankan pelbagai kempen untuk menjejaskan usaha negara-negara miskin membina janakuasa hidro elektrik.

Beliau juga berkata, penderitaan rakyat Palestin harus diberi perhatian kerana mereka harus dilayan secara adil.

Menurutnya, Kerajaan Israel yang menculik dan membunuh, seharusnya dikutuk.